



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

MPIC komited pacu industri komoditi

» Kementerian fokus dua sektor utama jana pendapatan negara

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Serdang

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan terus komited membangun dan memacu sektor industri komoditi sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara bagi membantu negara mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Bagi tujuan ini, MPIC telah diamanahkan memacu pembangunan dua komoditi utama iaitu sawit dan getah di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Melalui pelaksanaan NKEA ini, sektor sawit dianggarkan akan menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM178 bilion dan mewujudkan sebanyak 41,600 peluang pekerjaan.

Sektor getah pula dijangka berupaya menyumbang sebanyak RM49.7 bilion kepada GNI menjelang tahun 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata demikian ketika berucap merasmikan Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013 di sini, baru-baru ini.

Jana RM127.5 bilion

"Tahun 2012, sektor ini telah menjana RM127.5 bilion kepada pendapatan eksport negara atau 18.5 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara yang berjumlah RM702.2 bilion.

"Sehingga bulan Jun tahun ini pula, nilai eksport sektor komoditi sudah mencecah RM55.4 bilion atau 16.4 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil eksport negara iaitu RM337.8 bilion.

"Saya percaya sektor komoditi akan terus menjadi di antara penyumbang utama pendapatan



Datuk Amar Douglas Uggah Embas berucap merasmikan Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013 bertemakan Komoditi Mampun Menjamin Masa Depan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

negara dari segi jumlah eksport walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu masa ini," katanya.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, walaupun komoditi lain tidak disenaraikan di bawah NKEA, sumbangan dan peranan mereka kepada ekonomi negara tetap signifikan.

"Industri kayu-kayuan umpamanya akan terus diperkayakan selari dengan matlamat yang digariskan di bawah Dasar Perindustrian Perakayuan Malaysia (NATIP), iaitu sasaran pencapaian eksport perakayuan bernilai tambah berjumlah RM53 bilion menjelang tahun 2020."

Beliau berkata, komoditi lain seperti koko, lada, kenaf, sagu serta sektor biobahan api mempunyai potensi besar untuk terus dibangunkan.

"Pembangunan komoditi koko akan dipergiatkan dengan penumpuan kepada strategi penanaman koko secara kluster membabitkan kerjasama di antara Lembaga Koko Malaysia dengan

"
Saya percaya sektor komoditi akan terus menjadi antara penyumbang utama pendapatan negara dari segi jumlah eksport walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu masa ini. Walaupun komoditi lain tidak disenaraikan di bawah NKEA, sumbangan dan peranan mereka kepada ekonomi negara tetap signifikan"

Datuk Amar Douglas Uggah Embas,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

pihak swasta.

"Bagi komoditi lada, kemampuannya sebagai satu sumber pendapatan bagi penduduk luar Bandar telah terbukti dan berpotensi meningkat sumbangannya pada masa akan datang.

Penerokaan pasaran baru

"Sementara komoditi kenaf akan terus dibangunkan melalui perluasan kawasan tanaman, penerokaan pasaran baru serta aspek modenisasi pengeluaran produk berasaskan kenaf.

"Komoditi sagu pula yang ma-

joritinya tertumpu di Negeri Sarawak akan diperhebatkan melalui pembangunan ladang-ladang satelit bagi membantu pekebun kecil sagu. Kaedah ini akan memanfaatkan pekebun kecil sagu terutamanya di Sarawak," katanya.

Penganjuran MICCOS 2013 dengan tema Komoditi Mampun Menjamin Masa Depan mencerminkan keperluan untuk sektor komoditi negara berubah atau transform terutamanya dalam aspek kemampuan untuk kekal berdaya saing.

Lebih 30,000 orang mengunjungi MICCOS 2013 sepanjang empat hari ia berlangsung pada 24 hingga 27 Oktober lalu.

Hadir sama Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr James Dawos Mamit; Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim; Timbalannya, M. Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua-Ketua Pengarah Agensi lain di bawah MPIC.

MPOB International Palm Oil Congress (PIPOC) adalah program dwi tahunan yang dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak 1987. PIPOC 2013 akan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 19 hingga 21 November 2013. Kongres ini akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan menyampaikan ucapan. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas pula akan menyampaikan ucapan aluan pada kongres kali ini. Sambutan terhadap kongres minyak sawit yang terbesar di dunia ini sangat menggalakkan. Setakat ini, lebih 1,700 peserta sudah mendaftar dan adalah dijangka penyertaan akan melebihi 2,000 orang. Lebih daripada 250 lot pameran sudah habis dijual.

Kongres yang menyediakan Sesi Pleno pada hari pertama dan lima sesi/modul persidangan secara serentak ini, adalah platform terbaik untuk berinteraksi dan berbincang mengenai inovasi, cabaran dan perkembangan terkini industri sawit. Sesi Pleno pada hari pertama menampilkan 6 kertas utama yang akan menyentuh isu bioteknologi, kemampanan, oleokimia, kesihatan serta ekonomi berkaitan minyak sawit. Saya sendiri akan membentangkan kertas bertajuk 'Leveraging on Green and Gene Technologies to meet the Aspiration of the Oil Palm Industries'.

Persidangan Agriculture, Biotechnology and Sustainability antara lain menyentuh cabaran serta usaha meningkatkan purata hasil dan kualiti buah tandan segar (BTS) negara secara mampan. Ini termasuk pembiakan selektif menerusi hibrid interspesifik bermatlamat mengeluarkan bahan tanaman baru yang lebih produktif. Kejayaan dalam penafsiran genom sawit kini juga membuka ruang yang luas untuk memudahkan proses kajian pembiakan bagi penghasilan bahan tanaman sawit yang berhasil tinggi serta rentan terhadap penyakit. Kertas menjurus kepada pengeluaran hasil sawit mampan yang menitikberatkan elemen manusia, persekitaran, di samping pencapaian keuntungan yang tinggi. Kertas mengenai Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) turut akan dibentangkan. Persidangan ini membabitkan 27 pembentangan lisan dan lebih dari 100 pembentangan poster.

Bagi persidangan Chemistry, Technology and Bioenergy, sejumlah 32 kertas kerja akan dibentangkan dalam 7 sesi selama 2 hari persidangan. Kertas kerja yang akan dibentangkan menekankan pembangunan teknologi pengilangan, strategi untuk meningkatkan kadar perahan minyak serta usaha ke arah pembuangan sifar. Juga dibincangkan adalah langkah meningkatkan kecekapan operasi kilang sawit, penggunaan kaedah ultrasonik di kilang sawit, sistem pengasingan kering isirung sawit dan tempurung serta penghasilan dan pencirian minyak merah dari serabut buah sawit. Perkembangan terkini penggunaan biodiesel serta pelaksanaan pemerangkapan biogas di Malaysia akan turut dilaporkan. Juga dibincangkan potensi penghasilan hidrogen dan etanol dari bahan buangan sawit serta pengkomersialan pelet dari biojisim sawit.

Persidangan Oleo and Specialty Chemicals terbahagi kepada lima sesi dengan 24 kertas termasuk 18 dari luar negara. Antara topik yang dibentangkan termasuk berkenaan kemampanan dan cabaran yang dihadapi industri oleokimia, produk hijau yang kini terdapat di pasaran serta perkembangan terkini dalam bidang industri pemangkin berasaskan bio dan bidang biotransformasi mikro. Juga dibincangkan adalah aplikasi nanoteknologi, teknologi gelombang mikro, teknik simulasi/permodelan dan agrokimia dalam usaha mewujudkan lautan biru untuk industri oleokimia. Sesi pembentangan akan memaparkan transformasi landskap oleokimia yang pesat dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Pameran poster oleh 25 orang penyelidik juga diadakan.

Persidangan Food, Lifestyle and Health akan menggabungkan perkembangan terkini dalam teknologi pemprosesan industri minyak dan lemak untuk produk makanan dengan hasil penyelidikan terbaru dalam bidang makanan dan pemakanan. Penceramah terkenal di peringkat antarabangsa akan membincangkan trend terkini mengenai tabiat pengguna, cabaran global, trend pasaran masa depan dan isu polisi semasa. Selain itu, perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan pemakanan yang membincangkan kepada potensi khasiat mikronutrient dan nutrasetikal berasaskan sawit seperti tokotrienol, karotenoid dan fenolik terhadap kesihatan akan juga dibincangkan. Satu 'forum petang' membabitkan pakar pemakanan akan diadakan bagi membahaskan hubungan minyak sawit dan penyakit tidak berjangkit. Sebanyak 31 kertas kerja lisan akan dibentangkan dan 24 poster akan dipamerkan.

Persidangan Global Economics and Marketing pula akan memberi fokus utama kepada kepentingan minyak sawit dalam sektor minyak dan lemak dunia sebagai penjana ekonomi Malaysia, di dalam ketidakpastian ekonomi semasa dunia. Ia akan membincangkan kedudukan minyak sawit di pasaran dunia serta inovasi yang sedang berlaku di dalam industri sawit negara di samping meramal masa depan industri sawit negara yang berhadapan dengan persaingan daripada negara pengeluar sawit lain. Sebanyak 20 kertas kerja akan dibentangkan oleh 11 pakar daripada industri sawit tempatan dan 9 pakar daripada luar negara. Persidangan diakhiri dengan perbincangan panel mengenai 'Green Opportunities from the Golden Crop: Reconciling Palm Oil Market Positions in the Oils and Fats Sector'.

Di samping 5 persidangan berkenaan, 'Evening Forum' 'Green Opportunities from the Golden Crop' akan diadakan, dipengerusikan oleh seorang saintis usahawan Dr Ganesh Kishore. Tajuk yang dipilih merangkumi bio-tenaga, bio-industri, bio-informatik, bio-kemampanan dan bio-ekonomi.

Bagi PIPOC 2013, lawatan ke ladang sawit, kilang sawit, kilang penapis sawit, kilang oleokimia serta kilang biodiesel juga dianjurkan. Sewaktu majlis perasmian, beberapa pelancaran turut diatur iaitu MSPO, SHELL toolkit serta isomer tokotrienol.

Adalah diharap, melalui penganjuran PIPOC 2013 ini, Malaysia sebagai negara pengeksport utama produk berasaskan sawit dan peneraju R&D teknologi industri hulu dan hiliran sawit, mampu menjalinkan kerjasama baru dan memperkukuh jaringan perniagaan dan pelaburan sedia ada serta mewujudkan peluang perdagangan baru. Strategi ini dijangka akan meningkatkan kadar penggunaan produk berasaskan sawit. Bagi semua pihak terbabit dengan industri sawit, jangan lepaskan peluang keemasan ini. Sertai kami di PIPOC 2013. Jumpa anda di sana.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan trofi dan replika cek bernilai RM10,000 kepada Dr Ravigadevi Sambanthamurthi yang memenangi Anugerah Industri Komoditi bagi kategori Karya Inovasi Sains Terbaik. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kiri) dan timbalannya, M.Nagarajan (kanan).

8 penggiat industri terima anugerah

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mprob.gov.my

► Serdang

Dr Ravigadevi Sambanthamurthi, Pengarah Bahagian Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka MPOB adalah seorang dari lapan penggiat industri komoditi dipilih menerima anugerah pada majlis Anugerah Industri Komoditi sempena Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013 yang berlangsung di sini baru baru ini.

Beliau menerima anugerah kategori Karya Inovasi Sains Terbaik melalui teknologi yang bertajuk 'From Biowaste To Bioactives - Super Antioxidants From The Palm Oil Milling Process'.

Anugerah Industri Komoditi 2013 yang dianjurkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah kali ke-5 dan ia adalah satu pengiktirafan kepada penggiat industri komoditi yang menunjukkan pencapaian cemerlang.

Anugerah yang berupa wang tunai berjumlah RM10,000, trofi dan sijil penghargaan disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas selepas majlis perasmian MICCOS 2013.

Anugerah sebagai galakan

Sewaktu berucap, beliau berkata, anugerah yang disediakan itu adalah sebagai galakan dan insentif kepada penggiat industri komoditi untuk terus meningkatkan kualiti, produktiviti dan daya saing industri komoditi di pasaran global.

Lapan penggiat industri yang menerima anugerah pada hari itu adalah:

1) Kategori Pengurusan Ladang Terbaik:

Pemenang: Bukit Pilah Estate (Sime Darby Plantation Sdn Bhd), Rompin, Pahang dan Ladang Selborne, Kuala Lipis, Pahang.

2) Kategori Pekebun Kecil Terbaik:

Pemenang: Haji Janis Abu Bakar, Bukit Gambir, Ledang, Johor; Mong Anak Rengan, Julau, Sarawak dan Tan Sow Phin, Chemor, Perak.

3) Kategori Kilang Pemprosesan Terbaik:

Pemenang: Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor

4) Kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Terbaik:

Pemenang: Syarikat Wahi and Sons Sdn Bhd, Klang, Selangor

5) Kategori Pembangunan Jenama Terbaik:

Pemenang: Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor

6) Kategori Inovasi Pengeluaran Produk Komoditi Terbaik:

Pemenang: IOI Oleochemical Industries Berhad, Butterworth, Pulau Pinang

7) Kategori Karya Inovasi Sains Terbaik:

Pemenang: Dr Ravigadevi Sambanthamurthi, MPOB, Bandar Baru Bangi, Kajang, Selangor.

8) Kategori Pengamal Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik:

Pemenang: Sabah Softwoods Berhad, Tawau, Sabah.

Pengurus Ladang Bukit Pilah, Illias Man yang ditemui selepas menerima anugerah berkata, ladang Bukit Pilah melaksanakan amalan pertanian baik yang selari dengan hasrat dan arahan kerajaan serta industri komoditi yang tidak mengancam habitat hidupan liar dan mengelakkan dari berlakunya pencemaran dan kerosakan kepada alam sekitar.

Penerima anugerah bagi kategori pekebun kecil terbaik, Mohd Janis Abu Bakar pula berkata, beliau melaksanakan amalan dan penyelenggaraan kebun mengikut nasihat pegawai TUNAS dan berjaya mendapat penghasilan buah sawit yang tinggi berbanding dengan kebun kecil lain di kawasan sekitar dan seluruh negeri Johor.

Pengawal Teknologi Makanan, syarikat Wahi and Sons Sdn Bhd, Mohd Hanif Miskandar yang menerima anugerah kategori Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Terbaik berkata, beliau berpuas hati dengan pendapatan syarikatnya antara RM10 juta hingga RM11 juta bagi tahun 2010-2012.

MPIC sertai pameran Hello Komoditi Kuching

» **Laksana program perkasa pekebun kecil kawasan pedalaman**

Oleh **Che Johari Mamat**
mjohari@mpob.gov.my

► **Kuching**

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menganjurkan program Hello Komoditi dengan menyertai pameran komoditi di Kuching, Sarawak baru baru ini.

Turut menyertai pameran itu adalah agensi di bawah MPIC, iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengambil peluang bersama pemimpin kerajaan negeri lain melawat gerai pameran yang mempamerkan komoditi sawit, koko, lada dan getah.

Sewaktu lawatan ke gerai pameran MPOB, beliau berkata, program seperti ini sangat bertepatan diadakan di negeri Sarawak yang mempunyai keluasan tanaman sawit mencecah 1 juta hektar pada masa kini.

“Kebanyakan penduduk luar bandar Negeri Sarawak bergantung kepada hasil tanaman sawit sebagai punca pendapatan utama mereka.

Bantu pekebun kecil

“MPOB perlu mempergiatkan aktiviti dan program-program bagi membantu penanam sawit terutama pekebun kecil di kawasan luar bandar yang masih baru dengan komoditi ini.

“Mereka memerlukan tunjuk ajar dan khidmat nasihat mengenai cara menanam dan amalan-amalan penyelenggaraan kebun yang baik bagi mendapatkan hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi dan berkualiti,” katanya.

Datuk Amar Douglas menegaskan supaya khidmat nasi-

hat disampaikan kepada pekebun kecil bagi memastikan mereka menggunakan anak benih sawit yang tulen dan disahkan oleh MPOB bagi mengelakkan penggunaan anak benih yang tidak berprestasi tinggi.

Sewaktu lawatan di gerai pameran MPOB, beliau diberi penjelasan mengenai produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit yang dipamerkan. Sejumlah 4,000 pelawat terdiri daripada peserta dan pekebun kecil mengunjungi gerai pameran MPOB.

Turut melawat pameran komoditi ialah Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim.

MPOB anjur Persidangan Antarabangsa Sawit dan Alam Sekitar

Oleh **Dr Vijaya Subramaniam**
vijaya@mpob.gov.my

Serdang: MPOB dengan kerjasama United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sawit dan Alam Sekitar 2013, pada 24 hingga 25 Oktober 2013 sempena Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013 di Taman Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS), di sini, baru baru ini.

Persidangan antarabangsa ini adalah siri ketiga dan tumpuannya adalah kepada aspek alam sekitar serta pembangunan sawit. Tema yang dipilih untuk persidangan kali ini adalah Mengharmonikan Pembangunan Sawit dengan Fungsi Ekosistem.

Persidangan dwitahunan ini dianjurkan bagi menyediakan platform untuk perbincangan dan berkongsi maklumat mengenai isu alam sekitar yang dihadapi oleh industri sawit Malaysia.

Secara khususnya, objektif persidangan ini adalah untuk:

- Menyedia platform kepada

pihak yang berkepentingan untuk membentuk rangkaian dan mengukuhkan usaha-usaha serta komitmen ke arah pengeluaran minyak sawit mampan

- Mengemaskini maklumat dan perkembangan terbaru mengenai inisiatif dan isu-isu kemampanan;

- Menyalur informasi terkini dan memaklumkan mengenai peluang dan cabaran yang dihadapi dalam perdagangan minyak sawit.

Peserta luar negara

Persidangan Antarabangsa 2 hari itu dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa pembangunan industri sawit adalah dikawal ketat dan Malaysia terus komited terhadap pembangunan mampan yang mengimbangi fungsi ekosistem.

Untuk kekal berdaya saing dan terus relevan beliau menasihatkan industri sawit untuk kekal dinamik dan terus berinovasi bagi menghadapi cabaran baru yang berkaitan dengan isu-isu alam sekitar dan kemampanan.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas melancarkan Microsite Kemampanan MPOB. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (dua dari kanan), Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, M. Nagarajan (kanan), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Ketua Unit Desa dan Tenaga Diperbaharui UNIDO, Dr Diego Masera.

Pembentangan kertas kerja diadakan dalam lima sesi yang memfokuskan kepada fungsi ekosistem, kemampanan hiran, tenaga diperbaharui, kemampanan dan perdagangan produk sawit, penguatkuasaan pembangunan mampan dan berakhir dengan sesi perbincangan panel berkaitan tema persidangan.

Peserta mengambil peluang dalam kelima-lima sesi itu untuk berbincang dan berkongsi pendapat dan maklumat mengenai pembangunan mampan, cabaran dan prospek masa depan dihadapi industri sawit.

Perbincangan panel yang terdiri daripada ahli dan pakar itu menyampaikan pandangan mengenai keharmonian pembangunan industri sawit dengan fungsi ekosistem dan juga mendapat penyertaan aktif daripada peserta.

Pembentangan kertas kerja

dan perbincangan panel yang diadakan pada persidangan itu menghala ke arah usaha kolektif bagi menyelesaikan masalah alam sekitar seperti pemanasan global, perubahan iklim, pencemaran udara dan air.

Seramai 181 peserta dari dalam dan luar negara menghadiri persidangan dua hari itu.

Pada majlis persidangan itu, Datuk Amar Douglas juga melancarkan Microsite Kemampanan MPOB yang mengandungi pelbagai maklumat mengenai kemampanan dan bank imej yang sedia untuk digunakan oleh para pengunjung.

Beliau juga menyaksikan acara menandatangani perjanjian persefahaman antara MPOB dan Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia mengenai kerjasama dalam bidang penyelidikan sawit.

MPIC, MPOB bangunkan Piawaian Sawit MSPO

Serdang: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui MPOB akan melaksanakan piawaian dan pensijilan Kelestarian Minyak Sawit Malaysia atau Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sebagai piawaian dan pensijilan sawit negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata langkah ini bukan saja proaktif malah mampu menengahkan suara dan peranan Malaysia sebagai peneraju utama industri sawit di peringkat global dari segi pengeluaran minyak sawit yang mampan.

Katanya melalui pewujudan MSPO, ia berupaya menggariskan prinsip dan kriteria secara jelas minyak sawit yang dihasilkan oleh negara dan mudah membezakan dengan minyak sawit hasil keluaran negara lain.

“Sebagai contoh, Malaysia tidak harus semata-mata bergantung kepada ketetapan serta keputusan mengenai minyak sawit mampan di bawah inisiatif sektor swasta melalui Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)”

Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

mengenai minyak sawit mampan di bawah inisiatif sektor swasta melalui Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).

Tingkat daya saing minyak sawit

“Ini memandangkan kriteria kemampanan yang ditetapkan RSPO tidak selalunya memihak atau menjaga kepentingan industri sawit negara.

“Melalui kewujudan piawaian MSPO ini, kita mengharapkan minyak sawit negara akan terus kukuh dan berupaya meningkatkan daya saingnya di pasaran antarabangsa,” katanya.

Beliau juga memberi jaminan pelaksanaan piawaian dan pensijilan ini nanti tidak akan membebaskan pekebun kecil sawit kerana kerajaan melalui MPOB akan memberi bantuan yang sewajarnya.

Menteri lawat MPOB Sarawak, Sabah

» *Pekebun kecil sawit terus dibantu tingkat pendapatan*

Oleh Sulim Lumong
sulim@mpob.gov.my

► Kuching

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas melakukan lawatan kerja sehari ke Pejabat MPOB Wilayah Sarawak dan Sabah, baru-baru ini.

Lawatan kerja berkenaan adalah untuk meninjau dengan lebih dekat aktiviti dan status kemajuan industri sawit di kedua-dua negeri tersebut.

Semasa lawatan di wilayah Sarawak, ketibaan Datuk Amar Menteri disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan pegawai dari pejabat cawangan serta stesen penyelidikan di Sarawak.

Sewaktu taklimat kepada Datuk Amar Douglas mengenai aktiviti dan prestasi industri sawit Sarawak, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, negeri Sarawak ada-



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai galeri sawit yang ditempatkan di Kompleks Pejabat MPOB di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), Sabah oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

lah negeri kedua terbesar dari segi keluasan tanaman sawit selepas Sabah, iaitu 1,140,501.79 hektar.

Dari jumlah itu, seluas 90,607

hektar atau 8 peratus adalah keluasan tanaman pekebun kecil yang berjumlah seramai 17,578 pekebun.

Sehingga kini, Sarawak telah

diluluskan sejumlah 63 lesen untuk kilang memproses buah sawit dan purata peratus pencapaian kadar perahan bagi tahun 2012 dan 2013 (sehingga September)

adalah 20.43 peratus dan 20.09 peratus.

Selain itu, Datuk Dr Choo juga menjelaskan status terkini bilangan kakitangan dan pejabat MPOB di negeri Sarawak, status permohonan skim bantuan tanam baru dan tanam semula sawit pekebun kecil serta aktiviti pelenasan dan penguatkuasaan di Sarawak.

Bantu pekebun kecil

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berucap menasihati MPOB Sarawak supaya terus membantu pekebun kecil di negeri ini yang pada mereka tanaman sawit itu adalah tanaman baru.

“Mereka ini perlu diberi tunjuk ajar dan nasihat mengenai cara penanaman sawit mengikut amalan-amalan pertanian yang baik bagi memastikan mendapat penghasilan buah sawit yang bermutu dan sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah mereka,” katanya.

Beliau juga menasihati supaya permohonan skim bantuan tanam baru dan tanam semula diberikan kepada mereka yang layak dan bagi permohonan yang tidak jelas statusnya hendaklah dikaji statusnya dengan agensi kerajaan negeri.

KSU sampai ucap terna di Persidangan GOFF

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

Washington DC: Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim mengetuai misi lawatan promosi ke Amerika Syarikat dan menyampaikan ucapan terna di persidangan Global Oils and Fats Forum (GOFF) di Hyatt Regency, Orlando, pada 3 Oktober 2013.

Persidangan berkenaan dihadiri 157 peserta terdiri daripada usahawan minyak dan lemak Amerika Syarikat dan usahawan dari Amerika Selatan.

“Amerika Syarikat adalah rakan dagang penting untuk minyak sawit Malaysia dan merupakan pengimport kelima terbesar dengan pendapatan eksport bernilai RM5.12 bilion pada tahun 2012.

“Minyak sawit adalah selamat digunakan dan ia mengandungi fitonutrien seperti tokotrienol yang dapat memberi pelbagai manfaat kesihatan dan tidak mem-

bahayakan kesihatan,” katanya.

Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian juga menyampaikan kertas kerja bertajuk ‘Amalan Kemampanan oleh Industri Sawit Malaysia’ pada persidangan berkenaan.

“Industri sawit Malaysia mengamalkan pembangunan mampan di dalam penghasilan minyak sawit dengan memenuhi keseimbangan di antara pembangunan sosio-ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar,” katanya.

Kelestarian minyak sawit

Kelestarian minyak sawit adalah antara kekuatan komoditi ini di Amerika Syarikat di dalam menghadapi persaingan dengan minyak sayuran lain.

Pada lawatan berkenaan, delegasi Malaysia turut mengadakan perbincangan dengan University of Florida berkaitan pelaksanaan Pusat Kecemerlangan Minyak Sawit yang diwujudkan di universiti itu hasil kerjasama dan bantuan dana dengan MPOB.

“Kerjasama ini meningkatkan pengetahuan berkenaan minyak

sawit di kalangan pelajar universiti dan masyarakat sekitar. Sambutan terhadap program berkenaan semakin meningkat di kalangan pelajar,” kata Dr Susan Perceival, Pengerusi Jabatan Sains Makanan dan Pemakanan Insan, University of Florida.

Guna sebagai minyak makan

Sementara itu, seorang pelajar yang mengikuti program berkenaan berkata: “Sebelum mengikuti program ini, saya langsung tidak tahu kewujudan minyak sawit di Amerika Syarikat. Kini saya menggunakannya sebagai minyak makan.”

Datin Paduka Nurmala berkata, program seperti ini perlu diteruskan untuk mempromosi minyak sawit Malaysia di kalangan industri makanan dan pengguna secara jangkamasa panjang.

Lawatan ke Moffitt Cancer Center juga diadakan untuk meninjau pusat berkenaan yang menggunakan tokotrienol sawit di dalam rawatan penyakit kanser pankreas. Penyelidik yang mengetuai projek itu, Dr Mokenge Malafa berkata, penggunaan to-



Delegasi yang diketuai Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (tiga dari kiri) bersama Dr Mokenge Malafa (dua dari kiri) semasa lawatan ke Moffitt Cancer Center, Tampa, Amerika Syarikat.

kotrienol sawit dalam dos tertentu berjaya merencat pertumbuhan sel kanser.

“Peringkat ketiga penyelidikan perlu dijalankan untuk menentukan keberkesanan to-

kotrienol sawit di dalam merawat kanser pankreas dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan dari Food and Drug Administration (FDA), Amerika Syarikat,” jelas beliau.

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS (PIPOC 2013)



GREEN OPPORTUNITIES FROM THE GOLDEN CROP

KEYNOTE ADDRESS BY
YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN MOHD. YASSIN
 DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA

Be Part of a Dynamic Global Palm Oil Congress
19-21 NOVEMBER 2013 KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE,
 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

HIGHLIGHTS

- 5 Conferences
- 6 Plenary Lectures
- 142 Paper Presentations
- 173 Poster Presentations
- Trade Exhibitions with more than 200 booths have been fully booked and sold out since Jan 2013.
- Evening Forum
- Congress Dinner
- Golf Tournament
- Technical Tours
 - A. MPOB Research Station, Kluang, Johor
 - B. Sime Darby Jomalina Sdn Bhd, Teluk Panglima Garang Industrial Estate
 - C. Sime Darby Biodiesel Sdn Bhd, Pulau Carey, Selangor
 - D. Kompleks Felda Besout, Sungkai, Perak
 - E. Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Pulau Carey, Selangor

FIVE CONCURRENT CONFERENCES NOT TO BE MISSED

- Agriculture, Biotechnology & Sustainability Conference
- Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy Conference
- Oleo & Specialty Chemicals Conference
- Global Economics & Marketing Conference
- Food, Lifestyle & Health Conference

PIPOC 2013 PLENARY LECTURES
 Tuesday, 19th Nov 2013 • Kuala Lumpur Convention Centre Plenary Hall Auditorium

- 2.00 PM • PL1 : Agriculture, Biotechnology & Sustainability Conference
 Title: Delivering Industry Impact from Plant Biotechnology
 Speaker: Allan Green, CSIRO Plant Industry, Australia
- 2.30 PM • PL2 : Agriculture, Biotechnology & Sustainability Conference
 Title: Leveraging on Green and Gene Technologies to Meet the Aspirations of the Oil Palm Industry
 Speaker: Datuk Dr Choo Yuen May, Director-General, MPOB, Malaysia
- 3.00 PM • PL3 : Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy Conference
 Title: IJM Plantation's Experience on Nurturing Sustainability
 Speaker: Joseph Tek Choon Lee, IJM Plantation
- 3.30 PM • Refreshments/Exhibition/Poster Viewing
- 4.00 PM • PL4 : Oleo and Specialty Chemicals Conference
 Title: Remaking the Materials World Sustainability: Fine Chemicals, Lubricants and Polymers from Vegetable Oils
 Speaker: Prof. Suresh S. Narine, Trent University, Canada

- 4.30 PM • PL5 : Food, Lifestyle & Health Conference
 Title: Impact of Diet and Lifestyle on Chronic Disease - The Role of Palm Oil and its Micronutrients
 Speaker: Associate Professor Dr. Pramod Khosia, Wayne State University, USA
- 5.00 PM • PL6 : Global Economics and Marketing Conference
 Title: Green Opportunities from the Golden Crop: Complementing the Future Needs of Global Oils & Fats in Developing Countries
 Speaker: Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron, MPOC, Malaysia
- 5.30 - 7.30 PM : Evening Forum - Green Opportunities from the Golden Crop
 Moderator: Dr. Ganesh Kishore, CEO, Malaysian Life Sciences Capital Fund

REGISTER NOW. FOR MORE INFORMATION GO TO pipoc.mpob.gov.my

REGISTRATION FORM

PIPOC 2013
 19-21 NOVEMBER 2013 • KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, MALAYSIA
 Note: Kindly provide the required information to help us serve you better.

Photocopies acceptable

Name: Salutation: Prol/Dr/Mr/Mrs/Ms
 Organization:
 Address:
 City: Postcode: Country:
 Designation: Telephone: Fax:
 Special Dietary Request (Vegetarian): Yes No

METHOD OF PAYMENT
 • Cheque payable to "MPOB" for the above total amount due is enclosed (Cheque No: Amount:)
 • Please charge my card for the above total amount due Mastercard Visa

Name as printed on card Cardholder's Signature (compulsory)
 Credit Card Number: Expiry Date:

Kindly send in your completed registration form and payment to:
Director-General
 Malaysian Palm Oil Board
 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
 43008 Kajang, Selangor, Malaysia
 (Attn: HRD & Conference Management Unit)
 Fax: +603-8925 7549 / 8926 1282

FOR ENQUIRIES:
 Ruba'ah Masri (pipoc2013@mpob.gov.my/ +603-8769 4567)
 Norhaliza Kasmani (pipoc2013@mpob.gov.my/ +603-8769 4570)
 Nurul Aishah Musa (Nurul.aishah.musa@mpob.gov.my/ +603-8769 4568)
 Salmah Hussin (salmah@mpob.gov.my/ +603-8769 4873)
 Fax: +603-8925 7549 / 8926 1202 Website: pipoc.mpob.gov.my

* You may also fax the completed form without payment for booking purposes.

I. CONFERENCE MODULE
 19 - 21 November 2013 (Please tick one only) Oleo & Specialty Chemicals
 Agriculture, Biotechnology & Sustainability Global Economics & Marketing
 Chemistry, Processing Tech. & Bio-Energy
 Food, Lifestyle & Health

II. CONGRESS FEE (INCLUSIVE OF EVENING FORUM & CONGRESS DINNER)
 Standard Fee RM2800

PALMOL GP1: Formulasi racun rumpai Glifosat Isopropilamina (IPA) mengandungi bahan pencergas serakan (adjuvan) berasaskan sawit

Oleh Dr Ismail Ab Raman
ismail@mjob.gov.my

Racun Rumpai Glifosat

Glifosat atau N-(fosfonometil) glisin adalah racun rumpai jenis organofosforus yang paling banyak diguna bagi pengawalan rumpai di dalam ladang kelapa sawit dan lain-lain kawasan tanaman utama di Malaysia. Pada awalnya, produk ini dipasarkan dengan jenama Roundup dalam bentuk formulasi garam isopropilamina (IPA) oleh Monsanto Co USA.

Glifosat IPA dikategorikan dalam Kelas III (i.e. kesan keracunan yang rendah kepada hidupan mamalia) oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak Malaysia. Secara amnya, glifosat IPA bertindak secara sistemik (melalui daun / akar / umbisi), tidak meruap, tidak selektif dan racun rumpai jenis pos-mergen tanpa residu. Ia bertindak dengan merencat metabolisme asid amino (aromatik) dalam tumbuhan. Glifosat sangat berkesan dalam mengawal rumpai jenis tahunan dan saka, dan rumpai berdaun lebar terpilih.

Pasaran racun rumpai jenis glifosat adalah dianggarkan ~65.3% dari pasaran global racun rumpai, yang dianggarkan bernilai RM 28,315 juta setahun. Di Malaysia pula, jumlah kapasiti produk glifosat terjual adalah dianggarkan sebanyak 15 juta liter, yang dianggarkan bernilai sebanyak RM 250 juta setahun.

Produk glifosat kebiasaannya mengguna bahan aditif pencergas serakan (atau adjuvan) bagi meningkatkan keberkesanan produk racun rumpai tersebut. Secara amnya, adjuvan dikategorikan kepada: i) Pengubah larutan semburan (spray modifier) bagi meningkatkan ciri-ciri membasah dan menyerak larutan semburan dengan cara merendahkan tekanan permukaannya; ii) Adjuvan pencergas (activator adjuvant) bagi meningkatkan jerapan bahan aktif sistemik kedalam daun / foliar, jadi akan meningkatkan aktiviti biologiikal produk; dan iii) Lain-lain jenis pengubah (utility modifiers) seperti agen anti-buih, ko-pelarut dan sebagainya. Dengan pengunaan bahan-bahan adjuvan di dalam larutan semburan, racun rumpai dijangkakan dapat meningkatkan keberkesanan bahan aktif glifosat per hektar, di samping meluaskan spektrum aktiviti racun rumpai di ladang-ladang.

Pembangunan Bahan Aditif Pencergas Serakan (atau Adjuvan) Berasaskan Bahan Sawit Dalam Formulasi Racun Rumpai Glifosat IPA oleh MPOB-Ancom Crop Care Sdn Bhd (ACCSB)

Sejak kebelakangan ini, penggunaan adjuvan berasaskan bahan petroleum atau lemak haiwan seperti terbitan



Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa melawat pameran produk Palmol GP1 di gerai pameran MPOB semasa MICCOS 2013.



Produk-produk konvensional racun rumpai jenis glifosat yang terdapat di pasaran.

amina etoksilat di dalam formulasi racun rumpai glifosat adalah terhad atau tidak dibenarkan di beberapa negara seperti Australia. Adjuvan-adjuvan konvensional tersebut boleh meningkatkan gejala tidak elok seperti kesan keracunan kepada mata dan kulit pengguna, dan kehidupan dalam air. Dengan ini, pembangunan dan penggunaan bahan adjuvan berasaskan minyak sawit di dalam racun rumpai glifosat, yang merupakan sebatian semula jadi yang mesra alam, dihasilkan secara berterusan (renewable), mudah terurai, dan tidak mencemar persekitaran adalah pilihan terbaik sebagai alternatif bagi mengatasi isu-isu keracunan hidupan dalam air dan faktor keselamatan yang lebih baik kepada pekerja atau pengguna.

Projek ini telah diilhamkan oleh Dr Ismail Ab Raman, Pegawai Penyelidik Prinsipal, Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD), MPOB dan telah bekerjasama dengan syarikat Ancom Crop Care Sdn Bhd (ACCSB), syarikat bersepatan pengeluaran produk agrokimia. Perjanjian bagi menjalan-

kan projek bersama ini telah ditan-datangani pada Seminar Pemindahan Teknologi MPOB, Jun 2008. Pencarian bahan-bahan adjuvan terbitan minyak sawit yang bersesuaian sebagai pengubah larutan semburan (spray modifier) dan adjuvan pencergas (activator adjuvant) telah dijalankan di dalam makmal AOTD, MPOB. Kajian keberkesanan bahan adjuvan dalam racun rumpai glifosat IPA dan MA bagi mengawal rumpai juga telah dijalankan di dalam rumah hijau, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Pencapaian Projek

Proses pencarian bahan adjuvan terbitan minyak sawit yang bersesuaian sebagai pengubah larutan semburan (spray modifier) dan adjuvan pencergas (activator adjuvant) telah dijalankan di dalam makmal, AOTD, MPOB dari Ogos 2008 hingga Julai 2009. Formulasi-formulasi glifosat yang stabil ini telah diuji keberkesanan mengawal rumpai pada skala kecil di dalam rumah hijau, UPM dan di ladang dari




Bioefikasi ladang bagi adjuvan berasaskan sawit (MPOB S4000) dalam glifosat IPA 41% keatas rumpai (gambar kiri) ladang sawit dan ladang getah (gambar kanan) pada i) 14 hari dan ii) 28 hari selepas semburan.



Sept. 2009 hingga Mei 2010. Kajian keberkesanan mengawal rumpai pada skala kecil dan ladang menunjukkan campuran adjuvan berasaskan bahan sawit (dipanggil sebagai MPOB S4000; 10% (w/w)) di dalam formulasi glifosat IPA 41% merupakan formulasi yang terbaik bagi mengawal rumpai pada skala kecil dan di ladang kelapa sawit.

MPOB-ACCSB telah bersetuju mengguna campuran adjuvan berasaskan terbitan sawit di dalam formulasi racun rumpai glifosat IPA 41% untuk tujuan pengkomersilan. Inovasi dan formulasi produk ini telah dipindahkan oleh MPOB kepada ACCSB pada Seminar Pemindahan Teknologi MPOB, Jun 2010. Produk ini telah didaftarkan dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak Malaysia pada 2011-2012, dan dikategorikan sebagai Kelas IV (i.e. kesan keracunan yang sangat rendah kepada hidupan mamalia). Produk ini telah diberi jenama "PALMOL GP1" dan dilancarkan di "Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS)", MAEPS, Serdang, Selangor pada 24



Produk 'PALMOL GP1' hasil kerjasama antara MPOB-ACCSB

hingga 27 Oktober 2013.

Sumbangan Racun Rumpai Glifosat Mengandungi Bahan Aditif Pencergas Serakan (atau Adjuvan) Berasaskan Minyak Sawit kepada Ekonomi dan Alam Sekitar

Produk racun rumpai glifosat berasaskan bahan sawit ini dapat memberi impak yang besar terhadap sektor ekonomi dan sosial bagi industri sawit, oleokimia, kimia pertanian, sektor pertanian dan perladangan di Malaysia dan Global kerana berpotensi dieksport ke negara-negara seperti di Asia Tenggara dan Asia Pasifik, di samping pengkomersilan produk ini di pasaran tempatan.

Produk ini adalah mesra pengguna (kurangkan atau tiada langsung masalah-masalah kesihatan) dan mesra alam (mudah terurai, tidak mudah terbakar). Produk ini juga adalah bersifat mampan (sustainable) dengan penghasilan bahan oleokimia yang berterusan daripada terbitan minyak sawit oleh syarikat-syarikat oleokimia tempatan dan/atau luar negara.

Perkasa modal insan teras utama DKN

» Terus pastikan sektor komoditi terus berkembang, bantu pacu ekonomi negara

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Serdang

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata membangun dan memperkasakan modal insan di sektor komoditi adalah teras utama Dasar Komoditi Negara (DKN).

Ini perlu berupaya direalisasikan menjelang tahun 2020 bagi memastikan sektor komoditi terus berkembang dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara, terutamanya melalui peningkatan hasil eksport komoditi utama negara yang terdiri daripada sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan majlis Penganugerahan Sijil IMPAC kali ke-4 sempena Persidangan



Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim menyampaikan sijil IMPAC kepada peserta pada majlis Penyampaian Sijil IMPAC, Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng.

dan Pameran Komoditi Antara-bangsa Malaysia (MICCOS) 2013 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), baru-baru ini.

Lahir tenaga kerja mahir

Katanya, penubuhan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sebagai pusat latihan bersepadu yang bertanggungja-

wab melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir di sektor komoditi adalah tepat pada masa bagi merealisasikan teras utama DKN.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim.

“Kursus dan latihan yang dianjurkan IMPAC akan mencetus

idea dan menarik minat bagi golongan belia tempatan yang sedang mencari pekerjaan untuk menceburi kerjaya dalam sektor komoditi secara serius,” katanya.

Pertingkat pengetahuan

Banyak kursus dan latihan yang ditawarkan itu berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta melalui penggunaan teknologi tinggi.

“Langkah ini sekali gus akan mengurangkan kebergantungan negara kepada buruh asing dan pada masa yang sama mampu melahirkan pekerja tempatan yang lebih berdaya saing di dalam pasaran kerja terutama di sektor komoditi,” katanya.

Antara kursus yang ditawarkan adalah Kursus Operator Mekanisasi Ladang bagi sektor sawit, Kursus Pengurusan Ladang Getah, Kursus Sijil Teknologi Getah, Kursus Pemprosesan SMR & Kandungan Getah Kering dan Kursus Teknologi Penuaian Lateks bagi sektor getah.

Sektor koko pula menawarkan Kursus Asas dan lanjutan Pembangunan Usahawan Coklat Buitan Tangan manakala sektor lada dan kenaf menawarkan Kursus Teknologi Pengeluaran Lada dan Kursus Asas Penanaman, Kawalan dan Pemprosesan Kenaf.

Pada majlis itu, Datin Paduka Nurmala turut menyampaikan sijil kepada 377 peserta yang berjaya menamatkan kursus anjuran IMPAC sepanjang tahun 2013.

Turut hadir Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IMPAC, Ketua-ketua Pengarah agensi dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng.

32 pasukan sertai B10 Diesel Drive

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Lebih 100 peserta daripada 32 pasukan pelbagai jabatan kerajaan, syarikat milik kerajaan dan pihak media menyertai program B10 Diesel Drive anjuran MPOB yang diadakan sempena Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013.

MICCOS adalah program dwitahunan anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan merupakan acara yang menggabungkan semua komoditi di Malaysia iaitu sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, tembakau dan sagu.

Peserta program pencarian harian karun berkenaan dilepaskan oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May di Ibu Pejabat MPOB, manakala penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim.

Program berkenaan melalui ka-

wasan sekitar Banting, Klang dan Shah Alam dan berakhir di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Semua kenderaan yang mengambil bahagian dalam program tersebut menggunakan bahan api B10 iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel petroleum.

Biodiesel sawit adalah bersih dan merupakan bahan api boleh diperbaharui serta alternatif kepada semua kenderaan berenjin diesel.

Program B10 Diesel Drive adalah antara langkah kerajaan bagi memberi kesedaran serta pendedahan kepada masyarakat umum mengenai industri biodiesel serta pelaksanaan penggunaan B10 di negara ini.

Program ini juga adalah salah satu komitmen kerajaan ke arah penggunaan tenaga bio yang mesra alam bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

Sementara itu, MPOB turut menganjurkan beberapa acara lain sempena MICCOS 2013 seperti demonstrasi dan pertandingan tatarias menggunakan kosmetik berasaskan sawit.



Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kiri) bersama Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) semasa penyampaian hadiah kepada pemenang ‘B10 Diesel Drive’ sempena MICCOS 2013.

Acara lain yang turut menarik penyertaan pengunjung Pavilion MPOB sempena MICCOS ialah pertandingan gubahan menggunakan bahan-bahan sawit, pertandingan ‘treasure hunt’ mini, pertandingan meneka buah sawit dan kuiz berkaitan biodiesel sawit.

Para pengunjung turut teruja

menyertai pertandingan fotografi yang julung kali diadakan dengan penyertaan melebihi 180 keping gambar.

Di samping menawarkan hadiah menarik melalui pertandingan yang diadakan, pengunjung pavilion MPOB turut diberi pendedahan mengenai teknologi MPOB yang sedia untuk di-

komersialkan serta demonstrasi penggunaan produk hasil penyelidikan MPOB seperti kosmetik berasaskan sawit, minyak lili urutan serta mencuba pelbagai makanan berasaskan sawit.

Pavilion MPOB dikunjungi lebih 6,000 orang sepanjang MICCOS 2013 berlangsung.

SPOC Beluran penerima sijil RSPO pertama

» *Pensijilan pastikan pekebun kecil bersedia laksana amalan pertanian baik*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► **Serdang**

Kelompok Sawit Mampan – Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) Beluran, Sabah diiktiraf sebagai penerima per-

tama sijil 'Roundtable Sustainable Palm Oil' (RSPO) di Malaysia dalam satu majlis penyampaian yang diadakan sempena Seminar Pekebun Kecil Sawit anjuran MPOB di sini, baru-baru ini.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad ketika majlis perasmian seminar berkenaan.

Ketika berucap merasmikan seminar tersebut, Dato' Wan Khair-il berkata di bawah program SPOC, pekebun kecil akan dibimbing dengan amalan peningkatan produktiviti dan penggunaan bahan tanaman sawit yang berkualiti selaras amalan serta kriteria pensijilan minyak sawit mampan.

"Matlamat penubuhan SPOC



Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad menyampaikan sijil RSPO kepada wakil SPOC Beluran. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Pengurus Jualan British Standard Institute (BSI), Evelyn Chye (kiri).

bagi melaksanakan pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang dilaksanakan oleh MPOB.

"Pensijilan GAP dilaksanakan secara individu dan merupakan pensijilan asas kepada pekebun kecil sebelum pensijilan CoP dan RSPO bagi memastikan pekebun kecil bersedia dengan pelaksanaan amalan pertanian baik.

Pensijilan sawit mampan

Katanya, pembabitan pekebun kecil GAP adalah pendekatan

penting ke arah pensijilan sawit mampan yang sekaligus akan menyumbang kepada peningkatan daya saing industri sawit.

"Ini seterusnya akan memenuhi permintaan minyak sawit mampan di pasaran antarabangsa yang semakin meningkat.

Menurutnya lagi, penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) adalah salah satu komponen penting dalam program SPOC.

"KPSM akan menyatukan pe-

kebun kecil untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan kebajikan berasaskan perusahaan sawit.

Katanya, antara aktiviti yang dilaksanakan ialah jualan buah tandan segar secara berkelompok. Pendekatan ini bertujuan untuk memberi pulangan terbaik terhadap pengeluaran hasil dan kualiti buah tandan segar melalui amalan pertanian baik.

Menurutnya, sehingga Oktober lalu, sebanyak 27 KPSM ditubuhkan oleh MPOB di seluruh negara.

Forum peluang bisnes MPOB dapat sambutan

Oleh Suraya Mohamad
haz_suraya@mpob.gov.my

Serdang: Forum peluang perniagaan atau Business Opportunities Talk bagi teknologi MPOB yang diadakan sempena Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2013 pada 25 Oktober 2013 mendapat sambutan menggalakkan. Seramai 39 usahawan menyer-

tai forum ini yang terdiri daripada pelbagai cabang perniagaan terutama usahawan yang menghasilkan produk berasaskan sawit dan menggunakan teknologi hasil penyelidikan MPOB.

Forum ini diadakan khas bagi memberi peluang kepada pengunjung MICCOS bersama peserta berbincang dan berkongsi maklumat mengenai peluang perniagaan dan pengkomersialan produk berasaskan sawit.

Ia dianjurkan bersama SME Corporation Malaysia dan syarikat AsaPalmilk (M) Sdn Bhd iaitu syarikat yang sudah berjaya mengkomersialkan teknologi dan produk hasil penyelidikan MPOB. Tiga penceramah diundang bagi menjayakan forum berkenaan.

Ketua Unit Pelaksanaan Korporat dan Perundingan MPOB, Mohd Ariff Simeh menjelaskan bahawa MPOB adalah sebuah pusat penyelidikan berkaitan sawit

terbesar dalam negara dan di peringkat global.

Sehingga kini, MPOB sudah berjaya menghasilkan lebih 500 penemuan baru hasil penyelidikan. Teknologi dan inovasi penemuan baru itu sudah bersedia untuk dikomersialkan oleh usahawan yang berminat termasuklah usahawan dari Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

MPOB sedia beri bantuan

Beliau berkata, MPOB melalui Unit Pelaksanaan Korporat dan Perundingan bersedia memberi bantuan, panduan dan khidmat nasihat yang boleh membantu usahawan dalam membina perniagaan dengan menggunakan teknologi, inovasi dan produk berasaskan sawit.

Penceramah kedua, Pengurus Kanan daripada Bahagian Sokongan dan Nasihat Perniagaan, SME Corporation Malaysia memberi penerangan tentang program yang disediakan oleh kerajaan terutamanya SME Corporation dalam melatih usahawan PKS dan kemudahan kewangan serta dana yang telah disediakan kerajaan dalam membantu PKS menjalankan perniagaan.

Sebuah syarikat PKS yang berjaya mengkomersialkan teknologi MPOB iaitu AsaPalmilk (M) Sdn Bhd juga dijemput berkongsi pengalaman, cabaran dan kisah kejayaan dalam perniagaan.

Syarikat itu mengkomersialkan produk sapuan coklat yang berasaskan sawit hasil inovasi dan penyelidikan MPOB.

NOTIS

SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT (SIBS) 2013

SIBS bertujuan untuk menambahkan penggunaan biodiesel sawit bagi mengurangkan stok minyak sawit dan menyumbang terhadap pengukuhan harga minyak sawit. Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau terutamanya bagi kilang-kilang yang menggunakan dandang dan jentera berenjin diesel.

Permohon SIBS 2013 dikehendaki mempunyai lesen perniagaan yang masih sah laku pada tarikh permohonan. Skim berdasarkan *first-come first-serve* basis sehingga peruntukan habis dibelanjakan.

*** PERMOHONAN DIBUKA SEKARANG**

Borang permohonan dan syarat syarat SIBS, layari www.mpob.gov.my

Pertanyaan:
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia.
Tel: 03-8769 4653 / 4264 Email: biodiesel@mpob.gov.my

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT

- Skim insentif biodiesel sawit berkuatkuasa mulai pada 1 Mac 2013 berdasarkan first come first serve basis dan tamat pada 31 Disember 2013.
- Kadar insentif adalah sebanyak RM300 setan biodiesel sawit.
- Bayaran hanya akan dibuat selepas penilaian dan pengesahan oleh MPOB.
- MPOB berhak mengadakan pemeriksaan ke premis perniagaan sekiranya perlu.
- Kuota biodiesel sawit yang diluluskan akan disemak semula setiap bulan dan MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan sekiranya tidak digunakan.
- Bayaran dibuat mengikut kelulusan kuota dan pembelian / pembekalan sebenar biodiesel sawit.
- Jika terdapat sebarang penguapan dan pelanggaran syarat-syarat yang tersenarai di atas, pihak MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan dan kemudahan wang insentif tersebut serta tindakan undang-undang boleh diambil.

TEMPOH:
1 Mac - 31 Disember 2013 *(Tertakluk kepada peruntukan)



Penceramah yang terdiri daripada wakil SME Corporation Malaysia, Hj Hashim Ismail, dan syarikat AsaPalmilk (M) Sdn Bhd, Dato' Shaari Mat Jihin (dua dari kiri) bersama pemudahcara, Ahmad Zafri Zawawi (kiri) dan Ketua Unit Pelaksanaan Korporat dan Khidmat Nasihat, Arif Simeh (kanan) semasa sesi forum peluang bisnes teknologi MPOB.

ILUC: Dasar gugat kerjasama dua hala Malaysia, Kesatuan Eropah

» Pakar sains kritik teori maya ILUC, keputusan kajian kesan penggunaan tanah berbeza

Desakan supaya kepentingan pasaran hasil pertanian tempatan dilindungi berjaya membayangi hasrat pengenalan polisi Tenaga Yang Boleh Diperbaharui (RED) di Kesatuan Eropah. RED kini dilihat menjadi alat perlindungan perdagangan yang dicipta untuk melindungi kepentingan pasaran minyak sayuran tempatan kerana ia mendiskriminasi sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang diperbuat daripada minyak sayuran lain yang lebih

mudah dan lebih baik seperti yang terjadi ke atas bahan bakar bio berasaskan minyak sawit.

RED bukan lagi merupakan dasar alam sekitar atau tenaga yang mampan sebaliknya sebuah dasar yang menggugat perdagangan bebas.

Pada 10 September lalu, Parlimen Eropah mengundi ke atas satu pindaan baru di dalam RED. Corinne Lepage, Ahli Parlimen Eropah dari Perancis, mengetuai kempen untuk memperkenalkan kriteria baru yang dikenali sebagai Perubahan Penggunaan Tanah Secara Tidak Langsung (Indirect Land Use Change atau ILUC) di dalam RED.

Teori ILUC dikritik

ILUC adalah satu teori alam sekitar yang mengaitkan penggunaan tanah pertanian di sesuatu tempat untuk menghasilkan bahan bakar bio dengan pelepasan

gas rumah hijau di tempat lain yang tidak dapat dipastikan lokasinya. Teori ini dikritik hebat oleh ahli sains dan ahli akademik dari seluruh dunia seperti di benua Amerika, Asia, Amerika Latin dan Eropah sendiri.

ILUC adalah satu teori maya yang tidak boleh dilihat atau dikira dan oleh itu adalah mustahil untuk diterima pakai.

Ya, ia adalah mustahil tetapi pihak berkaitan di Kesatuan Eropah (EU) masih cuba melakukannya. Suruhanjaya Kesatuan Eropah melakukan beberapa kajian untuk mencari formula pengiraan terbaik bagi mengira kesan beberapa jenis bahan bakar bio ke atas ILUC.

Hasil kajian ini didapati sangat

memalukan terutamanya kepada Kesatuan Eropah sendiri. Setiap kajian mereka memberi keputusan yang berbeza sama sekali. Ada di antaranya tidak dapat mengesahkan sama sekali sama ada sesuatu tanaman itu akan memberi

kesan yang positif atau negatif kepada ILUC. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ILUC tidak boleh dinilai dengan tepat.

Pakar sains menyedari bahawa sesuatu yang tidak boleh dilihat atau diukur seperti ILUC perlu bergantung kepada model tertentu untuk tujuan kuantitatif (pengiraan). Model ini yang kebanyakannya dihasilkan melalui program komputer yang canggih sebaliknya bergantung kepada pakar perisian yang menetapkan parameter tertentu di dalam model mereka.

Prejudis tersendiri

Mereka ini sudah tentu mempunyai prejudis tersendiri dan ini akan memberi impak yang besar ke atas sebarang keputusan yang dihasilkan daripada model ini. Model sebegini bukan saja tidak berlaku adil tetapi juga menafikan kaedah pengiraan saintifik yang telus. Oleh yang demikian, ia tidak layak digunakan terutama di dalam merangka dasar kerajaan.

MEP Lepage berhasrat memperkenalkan kriteria ILUC ini di dalam RED kerana beliau sedar ILUC boleh dimanipulasi untuk mendiskriminasi minyak sawit. Ini kerana, minyak sawit adalah lebih baik dan lebih murah berbanding pesaingnya di Kesatuan Eropah.

Tidak hairanlah dengan sikap sebegini serta pendekatan yang tidak munasabah kepada pengenalan undang-undang baru, beberapa negara mula mengambil tindak balas dengan mencabar dasar tenaga Kesatuan Eropah yang boleh diperbaharui ini di bawah peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia - Argentina memfailkan aduan rasmi terhadap Kesatuan Eropah mengenai isu ini di Geneva.

Kesatuan Eropah selalu dilihat sebagai peneraju kepada amalan perdagangan bebas tetapi tindakan MEP Lepage mengenai isu ILUC ini tidak mencerminkannya.

Di satu pihak terdapat sekelompok NGO pro alam sekitar termasuk Greenpeace dan Friends of the Earth yang menjadi penyokong kuat MEP Lepage serta konsep ILUC yang berat sebelah dan tidak berasaskan sains

ini manakala di pihak yang lain pengeluar bahan bakar bio serta komuniti ahli sains menentang pelaksanaan konsep ILUC ini.

Dalam beberapa bulan lepas saja, banyak hasil kajian terbaru di Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Sweden, Denmark dan Brussels sendiri didedahkan dan kesemuanya menunjukkan bahawa ILUC tidak sah di sisi undang-undang dan tidak harus diserapkan ke dalam RED.

Ia bukan kali pertama minyak sawit terperangkap dalam perbalahan antara ahli sains dan NGO - kempen menentang minyak sawit di Eropah bukanlah sesuatu yang baru. Kali ini pilihannya adalah jelas.

Pertama, ahli Parlimen Eropah boleh mengundi untuk menerima pakai dasar ILUC yang belum teruji sepenuhnya, tidak tepat, tidak saintifik dan mungkin akan menyebabkan mereka tewas di dalam perbicaraan di Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Atau, mereka boleh mengundi menolak dasar ILUC lalu mengulau-alukan penggunaan biodiesel sawit dan bahan-bahan bakar bio lain yang membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, menangani isu perubahan iklim dunia, meningkatkan kecekapan penggunaan tanah serta mengurangkan penggunaan bahan api fosil di negara-negara mereka.

Penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar bio mampu memberi manfaat yang besar kepada Kesatuan Eropah seperti mana ia bermanfaat kepada Malaysia. Ini hanya akan menjadi realiti sekiranya ahli-ahli politik Kesatuan Eropah berpandangan jauh dan tidak dibelenggu dengan manfaat-manfaat jangka masa pendek hasil daripada langkah-langkah melindungi kepentingan perdagangan minyak sayuran mereka dan kesan daripada kempen-kempen anti minyak sawit yang dipelopori oleh NGO.

Apa yang mereka perlu lakukan ialah menolak ILUC dan menggantikannya dengan satu dasar baru tenaga yang boleh diperbaharui yang mantap, wajar dan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang.

Artikel ini telah disunting daripada artikel asal Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia yang bertajuk, **ILUC - An unscientific policy that will hurt EU-Malaysia bilateral relations. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.**



KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pakainya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Rakyat berjati. Anugerah alam semulajadi.

MPOB
www.mpo.gov.my



MICCOS dedah sumbangan sektor komoditi

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, pameran dan persidangan merupakan platform yang penting bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu. Sebagai contoh, Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) yang juga merupakan acara bagi pameran dan persidangan antarabangsa komoditi Malaysia dalam memperkenalkan produk-produk berasaskan sawit, getah, koko, tembakau, kayu-kayan, lada dan kenaf. Sebelum ini MICCOS yang dianjurkan buat pertama kalinya oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) pada tahun 2005 dikenali sebagai Minggu Komoditi. Namun begitu ia dijennamakan semula sebagai MICCOS pada tahun 2007 dan kekal sehingga kini.

Penganjuran MICCOS bukan sahaja bagi memperkenalkan produk komoditi tetapi ia juga bertujuan mempamerkan pembangunan teknologi dan inovasi terkini, aktiviti hulu-hilir dalam sektor komoditi. Disamping itu, penganjurannya juga menyediakan peluang jaringan perniagaan di kalangan penggiat utama industri komoditi di dalam dan luar negara. Selain itu, program tersebut membantu dalam mempromosi usaha sama di kalangan penggiat industri komoditi dengan agensi seperti MPOB, MPOC, MTC dan agensi lain yang berkaitan. MICCOS juga menggalakkan pertukaran idea dan perbincangan dengan menemukan pihak berkepentingan dalam sektor

PEMENANG PERTAMA
Nur Habibah Norman (No. K/P: 970401-10-6760)
Sek. Agama Menengah Hisamuddin, Jalan Tepi Sungai, Sungai Bertih, 41100 Klang, Selangor

ini seperti pekebun kecil, syarikat swasta serta agensi yang berkait rapat dalam industri komoditi ini.

Oleh itu, pada tahun 2013, MPIC meneruskan penganjuran pameran dan persidangan antarabangsa komoditi Malaysia buat kali kelima pada 24 hingga 27 Oktober 2013 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Program MICCOS diteruskan kerana impak program MICCOS yang dianjurkan sebelumnya telah berjaya menghebahkan maklumat mengenai peranan dan sumbangan sektor perladangan dan komoditi. Sumbangan ini membantu pertumbuhan ekonomi negara serta peluang yang diterokai dalam sektor komoditi bagi menjana sumber pendapatan baru negara.

Pada waktu sama, MICCOS juga menjadi platform pihak kementerian untuk menghebahkan penemuan terbaru hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh institusi penyelidikan di bawah MPIC untuk diguna pakai bagi meningkatkan kecekapan dan pengeluaran, seterusnya mengekalkan daya saing sektor komoditi negara. Melalui program ini juga, sektor komoditi mempunyai banyak peluang dan potensi yang boleh diterokai dan dibangunkan untuk menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan

berkualiti untuk pasaran tempatan dan luar negara.

MICCOS secara tidak langsung akan menggambarkan hala tuju sektor komoditi dan sumbangan-nya kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan matlamat Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011-2020. Di samping itu, perkara lain yang turut diberi penekanan ialah aspek konservasi alam dalam memastikan kelestarian alam yang seimbang. Pada masa sama, pameran ini turut mendedahkan mengenai fungsi dan peranan MPIC dalam memajukan lagi sektor komoditi kepada masyarakat umum.

MICCOS turut mengajak pengunjung merasai dan menyertai sendiri aktiviti yang disediakan seperti Seminar Pekebun Kecil yang akan membincangkan mengenai perkembangan terkini sektor perladangan dan komoditi yang dihadiri oleh pekebun kecil dari seluruh negara. Terdapat juga seminar berkaitan pemindahan teknologi dan perkembangan pasaran yang diadakan oleh agensi dan majlis di bawah MPIC. Selain itu, program temuduga terbuka kepada calon yang sedang mencari pekerjaan dalam sektor perladangan dan komoditi turut diadakan. Di samping itu, pengunjung juga boleh menyertai program padaman perniagaan berkonsepkan 'government to bussines' dan 'bussines to bussines' yang melibatkan agensi kerajaan, swasta dan usahawan tempatan dan luar negara. Tidak ketinggalan juga, program sampingan yang membabitkan pertandingan dan demonstrasi di pameran yang disediakan oleh agensi dan majlis di samping jualan produk berasaskan komoditi.

Secara keseluruhannya, MICCOS merupakan medium bagi pelbagai pihak yang terlibat dalam sektor hulu-hilir sektor komoditi. Sektor komoditi menyediakan ruang dan peluang bagi meraih keuntungan dan meningkatkan pendapatan individu yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

KUIZ SAWIT siri 35

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 21 November 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 35)
 Ibu Pejabat MPOB
 6, Persiaran Institusi,
 Bandar Baru Bangi,
 43000 Kajang, Selangor
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 35

1. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?
 www.mpob.com.my www.mpob.gov.my www.mpob.org.my
2. Biojisim sawit sesuai untuk menghasilkan perabot dan bahan bakar alternatif.
 Betul Salah
3. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan.
 Betul Salah
4. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu...
 10 tahun 15 tahun 25 tahun
5. MPOB mempunyai rangkaian pejabat serantau di negara berikut:
 Indonesia Sepanyol Amerika Syarikat
6. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik.
 Betul Salah
7. Apakah nama portal yang mengurusniagakan biji dan anak benih sawit secara online?
 e-sawit e-niaga e-Benih
8. Penggunaan bahanapi biodiesel mampu kurangkan pelepasan gas rumah hijau
 Betul Salah
9. Berikut adalah komoditi yang dipantau di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kecuali...
 Sawit Getah Petroleum
10. Kaedah berikut yang tidak digunakan bagi pembiakan pokok sawit
 Klon Kultur tisu Tut

Borang Penyertaan Siri 35

Nama : _____
 Tahap : _____
 Alamat Sekolah : _____

 Alamat Rumah : _____

 No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 34

1. **Ali Izzidin abu Sallehin**
 Sek. Rendah Agama Integrasi, Shah Alam, Selangor
2. **Dian Natasha Fandi**
 Sek. Keb. Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Kajang, Selangor
3. **Ahmad Hasif Akramin Mohamad Khizar**
 Sek. Keb. Desa Jaya, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang
4. **Muhammad Yusuf Hushaini**
 Sek. Keb. Seri Duyung, Duyung, Melaka
5. **Nurfarhain Mohd Johan**
 Sek. Keb. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, Negeri Sembilan
6. **Muhd Amri Azizul Akmal**
 Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
7. **Fathiah Amni Zulhairi**
 Sek. Rendah Islam Darul Ulum, Seremban, Negeri Sembilan
8. **Intan Natasha Fandi**
 Sek. Rendah Agama, Batu 10 Cheras, Kajang, Selangor
9. **Mohd Syaza Mohd Sahabudin**
 Sek. Keb. Ru Rendang, Marang, Terengganu
10. **Akmal Riezal Mohd Zamzurihailani**
 Sek. Keb. Kuala Setiu, Bandar Permaisuri, Setiu, Terengganu

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Bulan November 2013

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Koperasi Penanam Sawit Mampan bantu tambah pendapatan pekebun kecil sawit. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
 Hadiah Pertama : RM250
 Hadiah Kedua : RM200
 Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tem-

pat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Julai 2013 akan datang.

- Syarat Penyertaan:
1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
 2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
 3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
 4. Keputusan juri adalah muktamad
 5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 November 2013
 6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
 Ibu Pejabat MPOB
 6, Persiaran Institusi,
 Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor
 u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Oktober 2013

Pemenang:
Hadiah Pertama
 Nur Habibah Norman
 (No. K/P: 970401-10-6760)
 Sek. Agama Menengah Hisamuddin Jalan Tepi Sungai, Sungai Bertih, 41100 Klang, Selangor

Hadiah Kedua
 Nurul Syakirah S. Daud
 (No. K/P: 971114-08-2362)
 SMK Doktor Burhanuddin 58, Jalan Raja Sulong, Kampung Boyan, 34000 Taiping, Perak

Hadiah Ketiga
 Tiada pemenang



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tujuh dari kanan) bergambar bersama pemenang-pemenang Anugerah Industri Komoditi 2013.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (belakang, berdiri dua kanan) menyaksi Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pengarah FRIM, Dato' Abd Latif Mohmod menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kerjasama penyelidikan di antara MPOB dan FRIM. Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Datuk Wan Mohammad Khairil Anwar Wan Ahmad (belakang, dua dari kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M. Nagarajan (belakang, kanan).



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tiga dari kiri) bersama Datuk Dr James Dawos Mamit (tiga dari kanan) memotong kek semasa melawat 'Sudut Produk Makanan Berasas Sawit' di Pavilion Pameran MPOB sempena MICCOS 2013. Turut kelihatan isteri Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Amar Doreen Mayang (dua dari kiri), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tengah), Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Datuk Noor Zahidi Omar (empat dari kanan), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (lima dari kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May, (empat dari kiri) bersama ketua-ketua pengarah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (MPIC) semasa di garis penamat bagi acara B10 Biodiesel Drive anjuran MPOB sempena MICCOS 2013.



Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May mengadakan perbincangan bersama Pesuruhjaya Tinggi Solomon Island, Victor Samuel Ngele semasa kunjungannya di Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.



Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim semasa melancarkan produk Palmol GP1. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri), Pengerusi Ancom Crop Care Sdn Bhd (ACCSB), Hj Shamsudin Basri (dua dari kanan) dan Pengarah Urusan ACCSB, Abdul Latif Mahmud (kanan).